Selain itu, pelan pembangunan prasekolah kerap terbantut kerana wujudnya salah faham dalam kalangan warga sekolah. Kebanyakan prasekolah telah bekerja keras untuk jangka masa yang lama untuk menghasilkan pelan pembangunan prasekolah tetapi kurang dipantau atau diselia oleh guru besar sekolah. Dalam kajian ini, pelan pembangunan prasekolah adalah penting supaya pengubahsuaian dan penambahbaikan dapat dilakukan oleh pemimpin instruksional dan guru prasekolah (Rosnah & Siti Nur, 2018; Houchens & Cabrera 2014). Ini disokong oleh Hakimi Ismail (2017) yang mengatakan bahawa pelan pembangunan prasekolah yang dilakukan oleh guru besar adalah pemboleh ubah pengantara dalam menjayakan sesebuah sekolah. Antara sebab yang kerap menyebabkan prestasi sekolah merosot ialah komunikasi yang kurang berkesan, budaya mengkritik dan salah-menyalahi, kurang rasa saling menghormati, budaya kerja secara bersendirian, terlalu berfokus kepada aspek kuantiti sahaja, jurang perselisihan yang bertambah, inisiatif yang merosot dan sikap negatif yang semakin meluas terhadap pelan pembangunan prasekolah sehingga menimbulkan pelbagai masalah dan halangan semasa pelaksanaan pelan itu dalam mencapai visi dan misi prasekolah (Marken & Morrison, 2013).

Di samping itu, isu amalan pengajaran guru dalam kalangan guru prasekolah juga selalu diperkatakan dalam bidang prasekolah (Wong & Nur Ain, 2018; Norashikin et al., 2015). Isu ini selalu dikaitkan dengan pengurusan bilik darjah dan masalah disiplin yang sangat dititikberatkan oleh pihak pentadbir, pendidik dan orang awam (Opfer & Pedder, 2011). Selain itu, Opfer dan Pedder (2011) juga menyatakan bahawa masalah-masalah tingkah laku merupakan masalah umum yang selalu dihadapi oleh pihak sekolah yang disebabkan oleh penggunaan teknik yang tidak





sesuai dalam pengurusan bilik darjah. Opfer dan Pedder (2011) juga berpendapat bahawa amalan pengajaran guru bagi seseorang guru prasekolah itu akan memberi kesan yang positif atau negatif kepada kanak-kanak dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kesimpulannya, isu-isu yang wujud dalam pendidikan prasekolah seperti kepimpinan instruksional guru besar, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah, penggunaan dalam TMK oleh guru prasekolah, perkembangan profesional guru, pelan pembangunan prasekolah dan amalan pengajaran guru yang mungkin mempengaruhi pencapaian akademik kanak-kanak kurang dilakukan di Malaysia (Muhammad Faizal & William, 2014). Oleh itu, tepat pada masanya bagi pengkaji menjalankan kajian ini supaya amalan pengajaran guru dalam pendidikan prasekolah dapat dipertingkatkan demi kepentingan masa depan kanak-kanak bagi mengatasi masalah keciciran kanak-kanak di sekolah rendah dan sekolah menengah (Chinyoka, 2014). Kenyataan ini disokong oleh Peterson, Rubie-Davies, Elley-Brown, Widdowson, Dixon dan Irving (2011) yang mengatakan bahawa amalan pengajaran guru dalam pendidikan prasekolah dapat ditingkatkan apabila guru besar yang berkepimpinan instruksional dapat lebih fokus kepada ciri-ciri kepimpinan instruksional seperti kerja berpasukan, amalan kolaboratif, akauntabiliti, dan pengiktirafan bagi melahirkan kanak-kanak yang berkompeten, kreatif, inovatif, dan berkebolehan.





1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan mengkaji tahap bagi kepimpinan instruksional guru besar, tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah, tahap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru prasekolah, tahap perkembangan profesional guru, tahap pelan pembangunan prasekolah, dan tahap amalan pengajaran guru dalam kalangan guru prasekolah. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti sama ada wujudnya hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar. Tambahan pula, kajian juga menganalisis jumlah sumbangan yang signifikan terhadap amalan pengajaran. Ia juga meninjau sama ada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru prasekolah, perkembangan profesional guru, dan pelan pembangunan prasekolah merupakan pemboleh ubah pengantara bagi hubungan kepimpinan instruksional guru besar dengan amalan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah. Akhir sekali, kajian ini juga meninjau kesan langsung dan kesan tidak langsung bagi hubungan kepimpinan instruksional guru besar dengan amalan pengajaran dari segi penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru prasekolah, perkembangan profesional guru, dan pelan pembangunan prasekolah.



1.5 Objektif Kajian

Objektif-objektif dalam kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti tahap kepimpinan instruksional guru besar (KI), penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru prasekolah (TMK), perkembangan profesional guru (PPG), pelan pembangunan prasekolah (PPP) dan amalan pengajaran (PB) dari perspektif guru prasekolah.
2. Menentukan wujudnya hubungan antara kepimpinan instruksional guru besar (KI) dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru prasekolah (TMK), perkembangan profesional guru (PPG), pelan pembangunan prasekolah (PPP) dan amalan pengajaran (PB) dari perspektif guru prasekolah.
3. Menentukan jumlah sumbangan pemboleh ubah kepimpinan instruksional guru besar (KI), penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), perkembangan profesional guru (PPG) dan pelan pembangunan prasekolah (PPP) dengan amalan pengajaran (PB).
4. Mengenal pasti pengaruh faktor pengantara penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), perkembangan profesional guru (PPG) dan pelan pembangunan prasekolah (PPP) dalam hubungan kepimpinan instruksional guru besar (KI) dengan amalan pengajaran (PB).
5. Membina model bagi menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pengajaran (PB).





1.6 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut:

1. Apakah tahap kepimpinan instruksional guru besar terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB), penggunaan teknologi dan komunikasi oleh guru prasekolah (TMK), perkembangan profesional guru (PPG), pelan pembangunan prasekolah (PPP) dan amalan pengajaran (PB) dari perspektif guru prasekolah.
 - i. Apakah tahap kepimpinan instruksional guru besar (KI) dari perspektif guru prasekolah?
 - ii. Apakah tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB) dari perspektif guru prasekolah?
 - iii. Apakah tahap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru prasekolah (TMK) dari perspektif guru prasekolah?
 - iv. Apakah tahap perkembangan profesional guru (PPG) dari perspektif guru prasekolah?
 - v. Apakah tahap pelan pembangunan prasekolah (PPP) dari perspektif guru prasekolah?
 - vi. Apakah tahap amalan pengajaran guru dari perspektif guru prasekolah?



2. Mengenal pasti wujudnya hubungan antara kepimpinan instruksional guru besar (KI) dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB), penggunaan teknologi dan komunikasi oleh guru prasekolah (TMK), perkembangan profesional guru (PPG), pelan pembangunan prasekolah (PPP), dan amalan pengajaran (PB) dari perspektif guru prasekolah.

i. Adakah terdapat hubungan antara kepimpinan instruksional guru besar (KI) dengan amalan pengajaran (PB)?

ii. Adakah terdapat hubungan antara kepimpinan instruksional guru besar (KI) dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB)?

iii. Adakah terdapat hubungan antara kepimpinan instruksional guru besar (KI) dengan penggunaan oleh guru prasekolah (TMK)?

iv. Adakah terdapat hubungan antara kepimpinan instruksional guru besar (KI) dengan perkembangan profesional guru (PPG)?

v. Adakah terdapat hubungan antara kepimpinan instruksional guru besar (KI) dengan pelan pembangunan prasekolah (PPP)?

vi. Adakah terdapat hubungan antara penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB) dengan amalan pengajaran (PB)?

vii. Adakah terdapat hubungan antara penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru prasekolah (TMK) dengan amalan pengajaran (PB)?

viii. Adakah terdapat hubungan antara perkembangan profesional guru (PPG) dengan amalan pengajaran (PB)?

ix. Adakah terdapat hubungan antara pelan pembangunan prasekolah (PPP) dengan amalan pengajaran (PB)?





3. Apakah jumlah sumbangan pemboleh ubah kepimpinan instruksional guru besar (KI), penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru prasekolah (TMK), perkembangan profesional guru (PPG), dan pelan pembangunan prasekolah (PPP) terhadap amalan pengajaran (PB)?
4. Adakah penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), perkembangan profesional guru (PPG), dan pelan pembangunan prasekolah (PPP) menjadi pemboleh ubah pengantara bagi hubungan kepimpinan instruksional guru besar (KI) dengan amalan pengajaran (PB)?



1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian seperti berikut telah dibina demi menjawab soalan-soalan kajian dalam kajian ini.

- H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional guru besar (KI) dengan amalan pengajaran (PB).
- H2: Terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional guru besar (KI) dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB).





- H3: Terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan instruksional guru besar (KI) dengan penggunaan teknologi dan komunikasi oleh guru prasekolah (TMK).
- H4: Terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan instruksional guru besar (KI) dengan perkembangan profesional guru (PPG).
- H5: Terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan instruksional guru besar (KI) dengan pelan pembangunan prasekolah (PPP).
- H6: Terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB) dengan amalan pengajaran (PB).
- H7: Terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru prasekolah (TMK) dengan amalan pengajaran (PB).
- H8: Terdapat hubungan yang signifikan antara perkembangan profesional guru (PPG) dengan amalan pengajaran (PB).
- H9: Terdapat hubungan yang signifikan antara pelan pembangunan prasekolah (PPP) dengan amalan pengajaran (PB).
- H10: Varians dalam amalan pengajaran (PB) dapat diterangkan oleh penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru prasekolah (TMK), perkembangan guru profesional (PPG), dan pelan pembangunan prasekolah (PPP).
- H11: Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), perkembangan profesional guru (PPG), dan pelan pembangunan prasekolah (PPP) adalah pengantara bagi hubungan antara kepemimpinan instruksional guru besar dengan amalan pengajaran (PB).





H11(a): Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB) adalah pengantara bagi hubungan antara kepimpinan guru besar (KI) dengan amalan pengajaran (PB).

H11(b): Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru MK adalah pengantara bagi hubungan antara kepimpinan guru besar (KI) dengan amalan pengajaran (PB).

H11(c): Perkembangan profesional guru (PPG) adalah pengantara bagi hubungan antara kepimpinan guru besar (KI) dengan amalan pengajaran (PB).

H11(d): Pelan pembangunan prasekolah (PPP) adalah pengantara bagi hubungan antara kepimpinan guru besar (KI) dengan amalan pengajaran (PB).




1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Tujuan utama kajian ini dilaksanakan untuk menguji tahap, hubungan, sumbangan, dan kesan pemboleh ubah pengantara bagi hubungan setiap pemboleh ubah. Pemboleh-pemboleh ubah dalam kajian ini adalah kepimpinan instruksional guru besar (KI), penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru prasekolah (TMK), perkembangan profesional guru (PPG), pelan pembangunan prasekolah (PPP), dan amalan pengajaran (PB) seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.1.



Anak panah yang terdapat dalam kerangka konseptual yang dilustrasi menunjukkan terdapat hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar yang dikaji.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



Kerangka konseptual kajian telah dihasilkan selepas tinjauan teori tingkah laku, teori Bandura, dan teori ekologi. Mengikut teori tingkah laku (Abdul Ghani, 2012), organisasi prasekolah adalah sebuah organisasi yang wujud sebagai sosial yang terdiri daripada sekumpulan manusia yang saling berhubungan dan berusaha bersama bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Proses ini melibatkan hubungan dan interaksi antara ahli di dalamnya secara timbal balik. Tingkah laku setiap individu dan kumpulan di prasekolah wujud akibat dari saling mempengaruhi antara satu sama lain melalui normal sosial dan harapan terhadap sesuatu matlamat.

Menurut teori Bandura (2001), individu yang bertanggungjawab untuk memperkenalkan konsep dan makna efikasi sendiri yang membolehkan mereka membuat ukuran kawalan ke atas fikiran, perasaan, dan tindakan melalui refleksi diri setiap individu. Sistem ini mengawal struktur kognitif dan afektif seseorang yang merangkumi kebolehan untuk mewujudkan kepercayaan terhadap diri sendiri, belajar dari orang lain, merancang strategi alternatif, mengawal tingkah laku sendiri dan bersedia untuk menyesuaikan diri. Ini juga memainkan peranan penting dalam menyediakan mekanisme rujukan dan satu set fungsi untuk melihat, mengawal selia dan menilai tingkah laku yang terhasil daripada interaksi antara sistem sendiri dan pengaruh dari sumber persekitaran.

Mengikut teori ekologi pula, faktor biologi dan faktor persekitaran banyak mempengaruhi proses perkembangan seseorang dari pelbagai aspek. Teori ini juga menjelaskan bahawa perkembangan individu dipengaruhi oleh satu siri sistem persekitaran bermula dari keluarga terdekat sehingga ke konteks sosial yang lebih





luas, secara formal atau tidak formal yang sentiasa berubah, berinteraksi antara satu sama lain dan juga berinteraksi dengan individu tersebut sepanjang hayat.

Hasil dari kerangka kerja asas, kesemua pemboleh ubah telah digabungkan untuk membentuk kerangka konseptual kajian. Secara khusus, pembentukan kerangka konseptual ini membolehkan semua objektif kajian dicapai serta menyediakan jawapan untuk persoalan-persoalan kajian. Melalui analisis Permodelan Persamaan Berstruktur (SEM), kesan langsung dan kesan tidak langsung bagi setiap pemboleh ubah bersandar juga dapat ditentukan bagi hubungan kepemimpinan instruksional guru besar dengan amalan pengajaran.

1.9 Kepentingan Kajian



Peranan seseorang guru besar adalah sangat penting untuk mempengaruhi guru dalam menyediakan suasana kondusif bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran berkesan merupakan salah satu perkara penting dalam Pelan Induk Perkembangan Pendidikan untuk menentukan perkembangan kemajuan dan kemakmuran negara dengan adanya kepemimpinan instruksional guru besar. Pendidikan yang berkesan menjadi peneraju dalam membangun modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran, dan berkeperibadian mulia. Namum begitu, kajian-kajian prasekolah terdahulu kurang memberi tumpuan kepada masalah atau tekanan yang dihadapi oleh kepemimpinan instruksional guru besar, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah, penggunaan TMK oleh guru prasekolah, perkembangan profesional guru, pelan perkembangan prasekolah, dan amalan pengajaran guru dalam bidang prasekolah.





Mengikut Aliza dan Zamri (2016), kerajaan perlu melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan amalan pengajaran guru dalam kalangan guru prasekolah dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa dengan perubahan struktur, perubahan sistem, perubahan nilai dan sikap, dan aspek pengurusan lain bagi mencapai amalan pengajaran guru dalam bidang pendidikan di negara kita dengan bantuan kepimpinan instruksional guru besar di prasekolah.

Dalam kajian ini, amalan pengajaran guru dalam pendidikan prasekolah seraca menyeluruh telah ditinjau dari segi keberkesanan dan penambahbaikan sekolah (Muhammad Faizal & William, 2014) yang akan memenuhi visi Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengkaji dapat mengidentifikasikan peranan kepimpinan instruksional guru besar dalam membantu amalan pengajaran guru dalam pendidikan prasekolah bagi mencapai tahap prestasi tinggi (Liong, 2014).

Hasil kajian diharapkan dapat meningkatkan amalan pengajaran guru dalam pendidikan prasekolah dari segi kecemerlangan akademik khasnya merupakan ciri penting dalam proses pengurusan pendidikan yang semakin penting dan mencabar (Oliver, Wehby & Reschly, 2011; Rosnah & Muhammad Faizal, 2012), tetapi juga ke arah akauntabiliti dan ketelusan yang semakin dituntut oleh masyarakat (Quan-McGimpsey, Kuczynski & Brophy, 2013) untuk mewujudkan organisasi pembelajaran yang berkesan dari segi suasana pembelajaran yang aman, teratur, menarik dan kondusif bagi kanak-kanak (Sanja, 2012).



Kesimpulannya, dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai garis panduan kriteria dalam proses pemilihan guru besar yang berkepimpinan instruksional yang dapat membantu guru prasekolah dari segi penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah, penggunaan TMK oleh guru prasekolah, perkembangan profesional guru, pelan pembangunan prasekolah, dan amalan pengajaran. Di samping itu, ia juga boleh jadi rujukan kepada penggubal kurikulum latihan perguruan dari segi pengetahuan asas, bidang tugas, dan kemahiran. Ini akan menjadi guru besar di sekolah lebih berkualiti menjana modal insan berminda kelas pertama demi menuju ke arah kecemerlangan akademik. Ini disokong oleh pandangan Mahzan dan Chee (2017) yang mengatakan bahawa peranan penting guru besar sebagai pemimpin yang penting dengan usaha guru besar itu sentiasa meningkatkan ilmu profesional guru prasekolah dengan tujuan membawa warga sekolah dalam mencapai matlamat yang diidamkan melalui penggunaan sepenuhnya semua sumber yang terdapat di prasekolah dan persekitarannya. Ini juga selaras dengan Laporan Awal Pelan Perkembangan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang mana gelombang pertama adalah fokus kepada meningkatkan profesionalisme guru bagi menghasilkan modal insan negara yang berkualiti (Aliza & Zamri, 2016).

1.10 Batasan Kajian

Beberapa batasan kajian dikenal pasti dalam kajian ini. Pertamanya, bilangan sampel yang dipilih hanya terdiri daripada beberapa bahagian di Kuching, Sarawak sahaja. Jumlah responden yang dipilih adalah 267 orang guru prasekolah kerajaan daripada populasi prasekolah di negeri Sarawak. Justeru itu, prasekolah yang terpilih secara



persampelan bertujuan sahaja yang akan dijadikan sampel dengan menggunakan soal selidik bagi mengukur aspek-aspek yang dinyatakan dalam objektif kajian dan kerangka konsep kajian. Maka, segala dapatan yang diperoleh hanya sesuai di dalam negeri ini atau negeri-negeri lain yang mempunyai populasi dan ciri-ciri yang sama. Kajian lanjutan boleh dilakukan dengan mengambil kira sampel-sampel dari prasekolah di seluruh Malaysia untuk mendapat gambaran yang lebih tepat.

Keduanya, kekangan masa dan birokrasi ketika kajian dijalankan. Beberapa prosedur kajian terlebih dahulu dipenuhi sebelum kebenaran menjalankan kajian diperoleh dari pihak yang berkenaan. Birokrasi ini menyebabkan perancangan masa pengkaji sentiasa berubah-ubah memandangkan pengkaji bergantung sepenuhnya kepada data yang melibatkan prasekolah. Persetujuan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia diperoleh dan seterusnya kebenaran diperturunkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri. Ini menyebabkan pengkaji menghadapi masalah kekangan masa semasa menunggu surat kebenaran. Pengkaji juga berhadapan dengan karenah pentadbir sekolah yang menetapkan masa-masa tertentu sahaja bagi tujuan pemungutan data di prasekolah.

Ketiganya, kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah penggunaan soal selidik yang perlu diisi oleh bilangan responden yang agak terhad. Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa kaedah-kaedah lain yang difikirkan lebih sesuai boleh digunakan dalam kajian yang akan datang.



1.11 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, beberapa istilah penting yang digunakan telah ditakrifkan seperti berikut:

1.11.1 Pendidikan Prasekolah

Dalam kajian ini, pendidikan prasekolah boleh didefinisikan sebagai perkembangan menyeluruh dalam kalangan kanak-kanak dengan memenuhi keperluan fizikal, sosial, rohani, dan jasmani. Dalam hal ini, semua aspek tersebut adalah penting dan saling berkaitan sebelum mereka memasuki alam persekolahan normal di sekolah rendah dan pendidikan sepanjang hayat dengan pimpinan guru prasekolah yang berkesan (Meihua & Karen, 2016). Selain itu, Mohd Nazri & Wan Nurul (2018) juga menyatakan bahawa pendidikan prasekolah akan menentukan kejayaan hidup seseorang individu dengan bantuan guru prasekolah yang berkualiti tinggi dan bertanggungjawab dalam bidang prasekolah. Dalam kajian ini, pendidikan prasekolah merujuk kepada amalan pengajaran guru yang membantu perkembangan kognitif, sosial, emosi, dan fizikal dalam kalangan kanak-kanak.

1.11.2 Kepimpinan Instruksional Guru Besar (KI)

Kepimpinan instruksional guru besar (KI) didefinisikan sebagai sebarang usaha guru besar ke arah menggalakkan dan menyokong guru prasekolah yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai matlamat prasekolah, yang mana guru-guru prasekolah sentiasa mengambil tindakan penambahbaikan prasekolah



secara aktif demi meningkatkan pencapaian akademik di prasekolah walaupun berhadapan dengan cabaran seperti penyeliaan guru besar (Mohd Yusri & Aziz, 2014).

Dalam kajian ini, kepimpinan instruksional guru besar di prasekolah ditinjau dari segi menetapkan hala tuju instruksional, kerja berpasukan, dan sensitiviti. Kepimpinan ini dianggap sebagai anjakan yang komprehensif dan holistik dalam Pelan Induk Perkembangan Pendidikan untuk memenuhi hasrat dan Wawasan 2020.

1.11.2.1 Hala Tuju Instruksional

Ia merujuk kepada pelaksanaan strategi untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelaksanaan program-program peningkatan akademik. Membentuk visi dan menetapkan matlamat yang jelas, memberi panduan kepada pencapaian matlamat yang ditetapkan, menggalakkan orang lain untuk menyumbang kepada pencapaian matlamat, mendapatkan komitmen untuk melaksanakan sesuatu daripada individu atau kumpulan bagi menghasilkan sistem pengurusan pendidikan yang bertaraf dunia demi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara.





1.11.2.2 Kerja Berpasukan

Mencari dan menggalakkan penglibatan ahli-ahli kumpulan. Meneladani dan tingkah laku yang menggerakkan kumpulan ke arah penyelesaian tugas. Menyokong pencapaian kumpulan.

1.11.2.3 Sensitiviti

Merasai keperluan dan kebimbangan orang lain. Cekap melayani orang lain dalam situasi yang tegang atau berkonflik. Mengetahui jenis maklumat untuk disampaikan dan kepada orang yang betul. Boleh berkomunikasi yang berkesan dengan orang daripada pelbagai latar belakang etnik, budaya, dan agama.



1.11.3 Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Prasekolah (PIB)

Dalam kajian ini, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB) didefinisikan sebagai agen yang paling efektif untuk membentuk personaliti dan memupuk jati diri serta mengekalkan perkembangan kanak-kanak sejak kecil lagi yang akan memberi kesan yang lebih baik untuk sepanjang hayat mereka nanti (Suresh, 2015). Ia akan ditinjau dari segi program prasekolah, aktiviti prasekolah, penerimaan, interaksi, dan keterbukaan yang memberi kesan kepada amalan pengajaran.





1.11.3.1 Program Prasekolah

Program prasekolah adalah satu program yang akan menyediakan kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun secara holistik sebelum mereka memasuki pendidikan formal.

1.11.3.2 Aktiviti Prasekolah

Ia merujuk kepada aktiviti yang dicadang oleh buku “Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Prasekolah” demi mencapai visi dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia.



1.11.3.3 Penerimaan

Kesediaan ibu bapa untuk menerima keadaan kanak-kanak terutama dalam hal yang melibatkan pencapaian akademik. Penerimaan juga melibatkan kesediaan ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pendidikan prasekolah tidak kira tahap kejayaan kanak-kanak. Selain itu, penerimaan juga merujuk kepada penerimaan ibu bapa akan keupayaan kanak-kanak dan kesediaan membantu mempertingkatkan pencapaian kanak-kanak. Ia dilihat dari segi penyediaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran melalui mesyuarat permuafakatan yang diadakan dari masa ke masa.





1.11.3.4 Interaksi

Merujuk kepada interaksi dalam keluarga terutama antara kanak-kanak dengan ibu bapa yang melibatkan perihal pendidikan. Interaksi ini boleh berlaku serentak sama ada sehalu atau dua hala yang membabitkan pendidikan prasekolah dan penglibatan ibu bapa seperti majlis gotong-royong bersama ibu bapa.

1.11.3.5 Keterbukaan

Sikap ibu bapa dalam menerima dan memberi maklum balas terhadap pendidikan prasekolah. Kesediaan ibu bapa memberi ruang kepada kanak-kanak untuk berkongsi idea dan pendapat serta saling menerima pandangan. Dalam hal ini, ibu bapa digalakkan menjadi AJK prasekolah dengan menyumbang kepakaran dan kemahiran mereka di dalam bilik darjah.

1.11.4 Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi oleh Guru Prasekolah (TMK)

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru prasekolah (TMK) didefinisikan sebagai penggunaan awal TMK pada peringkat awal kanak-kanak yang akan memberi pendedahan kepada komputer multimedia yang boleh mendorong kanak-kanak belajar dengan lebih baik, cepat, dan berkesan. Pendedahan awal kanak-kanak kepada TMK juga dapat membina pemikiran kritikal, kreativiti, meneroka pelbagai bidang, mengaplikasi, dan meningkatkan kemahiran dalam situasi (Sykes, 2013). Dalam kajian ini, TMK ditinjau dari segi pengurusan dan operasi, kepimpinan





dan visi, produktiviti dan amalan profesional, pembelajaran dan pengajaran, sokongan, dan penilaian.

1.11.4.1 Pengurusan dan Operasi

Pemimpin instruksional sentiasa berusaha mencari penyelesaian bagi membantu guru dalam menjalankan tugas supaya pengajaran dan pembelajaran adalah berkesan. Matlamat ini hanya akan tercapai dengan mewujudkan budaya sekolah dan iklim pembelajaran yang kondusif dan positif.

1.11.4.2 Kepimpinan dan Visi

Ia merupakan aspek yang penting dalam melaksanakan TMK di bawah pimpinan instruksional demi mencapai visi prasekolah. Dalam hal ini, ia melibatkan proses merangka dan menyebarkan luas visi dan misi prasekolah kepada semua pihak.

1.11.4.3 Produktiviti dan Amalan Profesional

Ia merujuk kepada pengaruh pemimpin instruksional demi meningkatkan produktiviti dengan memastikan guru sentiasa mengamalkan profesional guru yang baik. Sehubungan dengan itu, seseorang guru besar mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap guru prasekolah untuk melaksanakan tugas harian mereka.



1.11.4.4 Pembelajaran dan Pengajaran

Ia merujuk kepada suasana kanak-kanak belajar dengan menggunakan TMK dalam bilik darjah. Dalam hal ini, ia menekankan kecemerlangan akademik kanak-kanak.

1.11.4.5 Sokongan

Ia merujuk kepada sokongan sama ada dari segi mental atau moral kepada para guru demi menggalakkan guru menggunakan TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru besar cuba wujudkan pelbagai insentif kepada guru prasekolah.

1.11.4.6 Penilaian

Ia merujuk kepada penilaian oleh pemimpin instruksional ke atas guru dari pelbagai segi guru menggunakan TMK semasa menjalankan tugas. Ia bertujuan untuk membangunkan guru prasekolah demi memenuhi kehendak semasa dan masa depan.

1.11.5 Perkembangan Profesional Guru (PPG)





Dalam kajian ini, perkembangan professional guru prasekolah adalah proses yang memerlukan tempoh latihan yang panjang yang melibatkan teori sebagai asas amalan, kod tingkah laku yang tersendiri, dan darjah autonomi yang tinggi sehingga kerjaya guru boleh dilabelkan sebagai profesional (Nur Afiqah & Faliza Khalid, 2016). Ia akan ditinjau dari segi bidang pengurusan, penilaian, serta komunikasi dan hubungan.

1.11.5.1 Bidang Pengurusan

Ia merujuk kepada keupayaan guru berfungsi dalam bidang pengurusan dengan keberkesanan menjalankan tugas di prasekolah, keberkesanan penglibatan kanak-kanak, dan merancang perubahan. Dalam hal ini, guru boleh menjemput ibu bapa ke majlis dan sambutan di kelas seperti majlis ulang tahun kelahiran, hari perayaan dan hari pelanggan.

1.11.5.2 Penilaian

Ia merujuk kepada pemimpin instruksional perlu menilai aspek-aspek program pembangunan profesional guru bagi meningkatkan prestasi program pembangunan profesional guru pada masa yang akan datang. Dengan ini, ia akan meningkatkan prestasi kanak-kanak dan perubahan iklim prasekolah yang lebih kondusif.

1.11.5.3 Komunikasi dan Hubungan

Ia merupakan keupayaan guru untuk mengadakan komunikasi dan hubungan dengan rakan sejawat, pihak pentadbir, ibu bapa, masyarakat, dan kanak-





kanak. Ia akan mewujudkan suasana yang lebih dinamik serta mempunyai matlamat pencapaian yang tinggi.

1.11.6 Pelan Pembangunan Prasekolah (PPP)

Dalam kajian ini, pelan pembangunan prasekolah didefinisikan sebagai perancangan pembangunan prasekolah yang fleksibel dan sensitif kepada situasi setempat demi penambahbaikan kualiti pendidikan prasekolah. Pelan pembangunan sekolah merupakan satu pendekatan mengorganisasikan maklumat yang relevan tentang keadaan semasa prasekolah kepada keadaan masa depan yang dikehendaki. Ia juga membolehkan guru besar menetapkan dan memaklumkan matlamat serta aspirasi sekolah demi membawa kemajuan dan penambahbaikan yang berterusan di prasekolah (Amirafiza Zaitun, Muhammad Faizal & Faisol, 2016). Ia akan ditinjau dari segi tahap permulaan, implementasi, dan penginstitutan sekolah.

1.11.6.1 Tahap Permulaan

Ia merujuk kepada pemilihan dan penggunaan instrumen kajian keperluan yang berfokus dan boleh dipercayai adalah penting. Ia akan memberikan gambaran tentang objektif yang ingin dicapai dan membekalkan maklumat tentang profil kakitangan dan persepsi komuniti. Dalam membina komitmen, pemimpin instruksional perlu membentuk pasukan pembangunnan sekolah. Ia melibatkan proses merangka matlamat prasekolah, menyebarkan visi dan misi sekolah serta menyelia pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru prasekolah.





1.11.6.2 Implementasi

Pelaksanaan pelan pembagunan prasekolah merupakan aspek yang paling penting. Walaupun perancangan merupakan sesuatu aspek yang penting, pelaksanaannya merupakan aspek tugas yang perlu diberi perhatian serius. Ia akan menghasilkan produktiviti yang tinggi dengan sentiasa penambahbaikan aspek-aspek perancangan prasekolah dari masa ke masa.

1.11.6.3 Penginstitutan Sekolah

Pemimpin instruksional perlu memastikan semangat melaksanakan penambahbaikan terus berkekalan. Ia menekankan aspek penilaian pelan tindakan instruksional serta penambahbaikan yang berterusan bagi membentuk kanak-kanak yang holistik dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek.

1.11.7 Amalan Pengajaran Guru dalam Kalangan Guru Prasekolah (PB)

Dalam kajian ini, amalan pengajaran guru dalam kalangan guru prasekolah merupakan suatu proses yang memerlukan perhatian, penilaian, kajian yang berterusan dan guru bukan setakat mengetahui sesuatu ilmu, namun mereka perlu mengaplikasikan atau mempraktiskannya dalam kelas yang diajar dengan memberi keutamaan kepada bidang akademik dalam tugas harian mereka. Amalan pengajaran guru dalam kalangan guru prasekolah ditinjau dari segi teknik pengajaran dan





pembelajaran, latihan dan peneguhan, pemeriksaan latihan, pengurusan kelas, dan perwatakan guru.

1.11.7.1 Teknik Pengajaran dan Pembelajaran

Ia merujuk kepada cara penyampaian pelajaran oleh guru prasekolah yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti guru mengadakan aktiviti lawatan sambil belajar ke tempat-tempat tertentu atau aktiviti-aktiviti yang difikirkan sesuai bagi membolehkan kanak-kanak memperoleh ilmu dan pengalaman baharu.

1.11.7.2 Latihan dan Peneguhan

Ia merujuk kepada jenis-jenis latihan yang sesuai dan mengikut tahap kebolehan kanak-kanak. Guru juga perlu memberi pujian dan ganjaran kepada kanak-kanak yang baik dan bimbingan kepada kanak-kanak yang lemah. Dengan ini, ia akan merangsang kanak-kanak untuk belajar dengan lebih bersemangat dan bermotivasi tinggi secara langsung dan tidak langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah.

1.11.7.3 Pemeriksaan Latihan

Guru memeriksa latihan dengan menunjukkan kesilapan kanak-kanak, memberi ulasan yang membina, dan memberi penghargaan kepada hasil kerja yang baik. Pencerapan hasil kerja kanak-kanak ini perlu dijalankan sepanjang masa bagi menjamin mutu dan kualiti hasil kerja kanak-kanak.





1.11.7.4 Pengurusan Kelas

Ia merujuk kepada cara guru wujudkan suasana yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran dan maemastikan semua peraturan dalam bilik darjah dipatuhi. Dalam hal ini, ia merujuk kepada elemen pengurusan kelas dari segi merancang, mengelola, mengawal, membuat refleksi, dan menjalin hubungan guru dengan kanak-kanak di dalam kelas.

1.11.7.5 Perwatakan Guru

Ia merujuk kepada guru yang bersifat mesra, mudah didekati, berinteraksi secara sopan, dan dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang riang. Ia menggambarkan personaliti yang perlu ada pada setiap guru prasekolah untuk menghasilkan kualiti prasekolah yang tinggi.

1.11.8 Pemboleh Ubah Pengantara

Pengantara merujuk kepada pemboleh ubah yang memberi kesan kepada hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar. Jika kesan bagi hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar berkurang tetapi masih signifikan, ia dipanggil pengantara separa. Manakala bagi hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar menjadi tidak signifikan apabila sesuatu pemboleh ubah dimasukkan dalam model itu, ia dipanggil pengantara sepenuhnya. Dalam kajian ini, pengantara





yang dikaji adalah penglibatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah (PIB), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi oleh guru prasekolah (TMK), perkembangan profesional guru (PPG), dan pelan pembangunan prasekolah (PPP) bagi hubungan antara kepimpinan instruksional guru besar dengan amalan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah.

1.12 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini telah membincangkan latar belakang permasalahan berkaitan dengan pengaruh kepimpinan instruksional guru besar terhadap amalan pengajaran guru dalam kalangan guru prasekolah. Bab ini juga turut membincangkan objektif kajian dan soalan kajian yang ingin dijawab selain membincangkan batasan kajian.



Penggunaan istilah dan konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini juga diperjelaskan secara terperinci dalam definisi operasional supaya maksud perkara yang dikaji mudah difahami. Bab 2 akan membincangkan tinjauan yang dijalankan berdasarkan kajian lepas.

